



1. **PEGAWAI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = 1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia / Pengurusan (Management) / Dasar / Ekonomi atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut adalah kelebihan.

**BAGI TANGGAGAJI B.2**

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia / Pengurusan (Management) / Dasar / Ekonomi atau bidang bersesuaian, serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jabatan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Sumber Manusia atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jabatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jabatan.



2. Mempunyai pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat dan berkebolehan dalam menggunakan Komputer.
3. Berkebolehan dan berpengalaman tentang pengurusan dan perancangan sumber manusia adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUGJAWAB PEGAWAI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA:**

1. Membantu Ketua Bahagian dalam kerja-kerja berkaitan dengan perancangan dan penyediaan pelan tindakan strategi dan dasar Pembangunan Sumber Manusia (PSM) bagi memastikan segala inisiatif dan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia dilaksanakan secara efektif dan tanpa duplikasi.
2. Membantu Ketua Bahagian dalam penyelarasan, pemantauan dan penelitian segala dasar dan pelan kebangsaan PSM dan pelaksanaan dasar dan strateginya.
3. Membantu Ketua Bahagian dalam kerja-kerja berkaitan dengan pembentukan konsep program pembangunan kepakaran dan kemahiran mengikut keperluan Negara.
4. Membantu Ketua Bahagian dalam penyelarasan program-program dan skim-skim latihan yang dibentuk dan memastikan semua agensi yang dikenalpasti melaksanakan program-program berkenaan.
5. Membantu Ketua Bahagian dalam pemantauan dan penilaian program dan skim di bawah pembangunan kepakaran kemahiran dan keusahawanan.
6. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan atau mana-mana tugas yang diarahkan oleh Pengarah, Penolong Pengarah atau Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.